



**PEJABAT KETUA PENDAFTAR
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA
ISTANA KEHAKIMAN
PUTRAJAYA**

KENYATAAN MEDIA

**PERSIDANGAN KES MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA
MENGUNAKAN SISTEM E-APPELLATE PADA 9 JUN 2020**

Badan Kehakiman Malaysia sekali lagi akan mengorak langkah ke hadapan apabila buat pertama kalinya pada 9 Jun 2020, Mahkamah Persekutuan Malaysia yang bersidang di Putrajaya akan mengadakan persidangan kes jenayah secara *e-Appellate*. *E-Appellate* adalah merujuk kepada prosiding pendengaran kes tanpa kertas atau *paperless*. Dengan *e-Appellate* ini, prosiding kes tidak lagi memerlukan salinan fizikal (*physical copy*) dokumen. Yang Amat Arif/Yang Arif Hakim dan pihak-pihak dalam prosiding akan merujuk kepada salinan lembut (*soft copy*) dokumen melalui peranti mudah alih iaitu iPad atau komputer riba.

Persidangan secara *e-Appellate* telah dilaksanakan di Mahkamah Persekutuan dan Mahkamah Rayuan yang bersidang di Sabah dan Sarawak bermula pada bulan Januari 2020 yang lalu. Bagi Mahkamah Tinggi Malaya, kajian sedang dilakukan untuk melaksanakan sistem seperti *e-Appellate* pada tahun 2021.

Selain persidangan secara *e-Appellate*, kes jenayah pada 9 Jun 2020 ini juga akan dibicarakan di hadapan sembilan (9) orang panel Hakim Mahkamah Persekutuan iaitu bilangan yang tertinggi dalam sesuatu perbicaraan kes di Mahkamah Persekutuan sehingga kini. Sembilan (9) Panel Hakim Mahkamah Persekutuan ini akan mendengar empat (4) kes rayuan jenayah di bawah Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952.

Bagi menyesuaikan norma baharu dalam situasi pandemik COVID-19, persidangan sembilan (9) orang panel hakim tersebut akan dijalankan di Dewan Bankuet, Istana Kehakiman, Putrajaya. Ini kerana jika persidangan dijalankan di Mahkamah Terbuka

seperti keadaan biasa, penjarakan sosial tidak dapat dilaksanakan berdasarkan saiz Mahkamah dan kapasiti jumlah pihak-pihak yang terlibat. Sehubungan dengan itu, Dewan Bankuet, Istana Kehakiman Putrajaya akan diubah suai dengan susun atur seperti di Mahkamah Terbuka dengan meletakkan *bench* Hakim, meja Peguam, kandang tertuduh dan juga galeri awam. Susun atur ini dibuat dengan mengambil kira norma baharu penjarakan sosial antara sembilan (9) orang Panel Hakim, Peguam-Peguam, Orang Kena Tuduh (OKT) dan lain-lain pihak yang terlibat.

Selain dari itu, sebagai langkah pencegahan penularan jangkitan COVID-19, Peguam-Peguam dan orang awam yang hadir bagi pendengaran kes adalah diwajibkan untuk merekod kehadiran melalui Sistem Pengesanan Pelawat Mahkamah dan juga akan diambil suhu badan sebelum dibenarkan masuk.

Badan Kehakiman Malaysia percaya persidangan yang akan dijalankan pada 9 Jun 2020 ini merupakan satu anjakan untuk memastikan kes-kes yang melibatkan isu perlembagaan dapat didengar walaupun dalam norma baharu bagi memastikan pentadbiran kehakiman dapat diteruskan. Selain itu, pelaksanaan *e-Appellate* bukan sahaja memberikan manfaat kepada persekitaran dalam mengurangkan jejak karbon, kos percetakan dan pengangkutan, malah ia juga mengurangkan beban kos kepada para litigan sekaligus meningkatkan akses kepada keadilan.

Terima kasih,

Pejabat Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
Putrajaya

Tarikh: 5 Jun 2020